

Jabatan Pendaftar UMS raih pengiktirafan amalan 5S

DE 27.3.2014 6

KOTA KINABALU: Sebagai salah sebuah organisasi penting di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Pendaftar sentiasa memastikan kece-merlangan kualiti dan hasil kerja para kakitangannya.

Terbaru, jabatan itu menerima pengiktirafan amalan 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) atas usaha para kakitangannya memastikan susun atur serta keke-masan menjadi amalan seharian mere-ka.

Berucap ketika majlis perhimpunan bulanan jabatan itu, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said mengingatkan para kakitangan untuk meneruskan amalan 5S agar dapat menjadi contoh kepada J/S/P/I/U lain di UMS.

"Pengiktirafan ini merupakan hasil kejayaan buat anda semua yang senti-asa komited dalam menguruskan peri-hal universiti," ujar beliau. Sijil Pengiktirafan Amalan 5S disampaikan oleh Pengarah MPC Sabah, Norizin Ariffin kepada Pendaftar UMS di Galeri

Majlis, Bangunan Canselori pada Rabu.

Pada majlis tersebut, Norizin sem-pat memberi ceramah ringkas bertajuk 'Amalan 5S dan Hubung kait dengan Integriti' yang bertepatan dengan sambutan Bulan Integriti anjuran jabatan itu.

"Amalan 5S adalah selari dengan budaya integriti yang menuntut setiap kakitangan agar sentiasa bersikap ikhlas ketika membantu dan bertang-gungjawab dalam menjalankan tugas seharian," katanya.

Jabatan Pendaftar menjadi organ-isasi ketiga mendapat pengiktirafan tersebut selepas Sekolah Perubatan (SPU) dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Amalan 5S merupakan alat pengu-rusan persekitaran berkualiti yang dipelopori oleh negara Jepun dengan penumpuan kepada lima langkah tin-dakan pelaksanaan bermatlamatkan pengurusan amalan kebersihan yang bersistematik iaitu Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal.